



MUSTAFA menyampaikan watakah pelantikan kepada Juhar.

Juhar dilantik Canselor UMS buat kali ketiga

VB 245.2019 A2

KOTA KINABALU: Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Juhar Mahirruddin dilantik buat kali ketiga sebagai Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi tempoh empat tahun.

Pelantikan itu diumumkan oleh Naib Canselor UMS' Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin selepas mengadakan kunjungan hormat terhadap Juhar di Istana Negeri pada Khamis.

Dalam kunjungan itu, Pengerusi Lembaga

Pengarah UMS Datuk KY Mustafa menyampaikan watakah pelantikan yang telah ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah kepada Juhar.

Hadir sama ialah timbalan-timbalan Naib Canselor, Profesor Dr Rasid Mail, Profesor Madya Ts Dr Ramzah Dambul, Profesor Dr Ismail Ali serta pegawai-pegawai utama UMS.